

NO. SOALAN : 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]
TARIKH : 20.3.2014 (KHAMIS)

DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah jumlah barangan terkawal dalam Skim Kawalan Harga untuk memastikan bahawa harga barangan keperluan asas yang lain tidak meningkat secara mendadak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Semasa menjelang suatu musim perayaan utama dalam negara, Kerajaan akan melaksanakan kaedah **kawalan harga barangan** melalui **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah kerana permintaan tinggi pada musim perayaan. Penetapan jumlah barangan adalah mengikut musim perayaan sama ada Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Hari Raya Puasa, Deepavali atau Krismas dan jenis barangan adalah terdiri daripada ayam, daging, telur ayam, sayuran, barang kering dan hasil laut.

Kerajaan akan mengkaji dari masa ke semasa keperluan penambahan barangan mengikut musim perayaan kerana ianya bergantung kepada permintaan pengguna ke atas suatu barangan khusus pada suatu musim perayaan.